

22 MAY 2003

PAKEJ-KERAJAAN/I

PAKEJ EKONOMI CERMINKAN SEMANGAT PERUBAHAN

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Akhirnya, kerajaan mengumumkan pakej strategi baru ekonomi bagi mengukuhkan ekonomi domestik yang memberi mesej bahawa tindakan adalah lebih baik dari hanya bercakap.

Ia mempamerkan kesungguhan perubahan dalam strategi ekonomi di mana tumpuannya sekarang ialah dalam menggerakkan sumber baru pertumbuhan domestik dan mengurangkan pengantungan negara kepada sektor luar.

Para pengkritik mungkin menyatakan bahawa kerajaan sepatutnya mengumumkan pakej ekonomi yang memberi nafas baru kepada ekonomi domestik itu seawal Mac.

Tetapi, apakah gunanya mengadakan pakej yang tergesa-gesa dan tidak sempurna?

Sememangnya, pakej yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, merupakan suatu yang berbaloi dinantikan.

Ia mencerminkan ketelitian kerajaan dalam menangani segala situasi memandangkan pakej 90 langkah yang diumumkan itu akan menyediakan asas kepada ekonomi domestik untuk digerakkan dengan lebih pesat.

Setiap maklumat diteliti dan tiada satupun yang diketepikan dalam usaha untuk memberi kesan "pertumbuhan berganda" kepada pakej ekonomi itu, daripada hanya pakej rangsangan.

Dan kenapa tidak? Pakej ekonomi yang meliputi semuanya mewakili segala usaha kerajaan bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi domestik melalui penggalakan pelaburan swasta dan pembangunan sumber baru ditambah dengan peningkatan sistem penyerahan negara dan peningkatan daya saing Malaysia.

Sejumlah RM7.3 bilion yang akan dialirkan ke dalam ekonomi menyumbang 2.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan ini tentunya lebih besar berbanding pakej ekonomi luar bajet baru-baru ini yang diumumkan oleh Hong Kong iaitu hanya 1.0 peratus daripada KDNK dan Singapura pada 0.1 peratus.

Semua ini menunjukkan bahawa ianya bukan suatu yang keterlaluan bagi rakyat Malaysia untuk lebih optimistik terhadap pertumbuhan ekonomi pada sekurang-kurangnya 4.5 peratus tahun ini.

Penggunaan sebanyak RM7.3 bilion dalam pakej berkenaan juga mewakili pendekatan pragmatik dan bertanggungjawab kerajaan dalam menangani isu-isu yang dihadapi.

Ia bukan mengenai menabur wang untuk mengejar pertumbuhan. Tetapi bagi mendapatkan "akar umbi" utama sektor ekonomi dengan kesan berganda yang kukuh -- perusahaan kecil dan sederhana, pertanian dan pembangunan luar bandar dan projek perumahan besar-besaran -- bagi menggerakkan ekonomi dalam negara.

Sebaliknya, seseorang itu tidak boleh lupa bahawa pakej ekonomi bukan semuanya mengenai ekonomi sahaja. Ia juga mencerminkan sikap prihatin kerajaan untuk rakyat.

Projek HARAPAN (Harapan Rakyat Memiliki Perumahan Berpatutan) merupakan satu contoh, bagi membolehkan pembeli baru dan pemilik pertama rumah berharga di bawah RM100,000 membayar pada subsidi bayaran kadar faedah pinjaman perumahan.

Malah bekas polis dan tentera, kakitangan kerajaan, balu kakitangan kerajaan serta ibu tunggal yang tidak memiliki rumah kini boleh membeli pangsapuri pada diskaun 20 peratus daripada kerajaan melalui Syarikat Perumahan Negara Bhd.

Penghuni rumah pangsa kerajaan juga tidak dilupakan memandangkan

kerajaan mahu menyediakan mereka dengan persekitaran yang lebih selesa. Rumah pangsa kerajaan lebih daripada lima tahun akan diberikan diberi wajah baru dengan dicat semula, landskap dan peruntukan kemudahan rekreasi seperti taman permainan, perpustakaan dan pusat penjagaan kesihatan.

Pakej ekonomi ini menunjukkan bahawa kerajaan begitu bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan rakyat. -- BERNAMA

SHY MR NHD